



JABATAN AUDIT NEGARA
NATIONAL AUDIT DEPARTMENT
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2
62518 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel. : +603-8889 9000
Faks (Fax): +603-8889 1607
Laman Web (Web): www.audit.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : AUDIT/IP/HEK/147/490/1 Jld 2 (85)
Tarikh : 2 Julai 2015

SEGERA / MELALUI FAKS / EMEL

Ketua Pemberita Akhbar / Radio / TV,

**KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA BERKENAAN
LAPORAN INTERIM TERHADAP PENGAUDITAN 1MDB**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan **Kenyataan Akhbar Oleh Ketua Audit Negara Berkenaan Laporan Interim Terhadap Pengauditan 1MDB**. Sukacita mendapat kerjasama daripada pihak tuan/puan untuk membuat hebahan ataupun menyiarkannya melalui medium media massa (cetak atau elektronik).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti’

Saya yang menurut perintah,


(NORADZRI BIN ABDUL RAHMAN)
Timbalan Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Korporat
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

s.k. YBhg. Tan Sri KAN
YBhg. Datuk TKAN (Persekutuan)
YBhg. Dato' TKAN (Negeri)



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH
KETUA AUDIT NEGARA
BERKENAAN
LAPORAN INTERIM TERHADAP PENGAUDITAN 1MDB**

Jabatan Audit Negara ingin mengesahkan bahawa Laporan Interim Terhadap Pengauditan 1MDB telah disiapkan mengikut jadual, iaitu akhir Jun 2015.

Laporan ini akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) semasa taklimat kepada PAC yang dijadualkan pada 9 Julai 2015.

Laporan Interim ini merupakan hasil pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara mulai 10 Mac 2015 sehingga 15 Jun 2015. Pengauditan Jabatan Audit Negara terhadap 1MDB masih lagi berjalan dan satu laporan lengkap (*Final Report*) akan diserahkan kepada PAC secepat yang mungkin dalam tahun ini.